

**Najib Beri Jaminan Kepada Rakyat Sabah Berhubung Manifesto
Bernama
24 April, 2013**

KUALA LUMPUR, 24 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak meminta rakyat Sabah supaya tidak bimbang atau ragu-ragu dengan manifesto Barisan Nasional (BN) untuk Sabah kerana ia bukan "manifesto bukan janji" yang kekal tidak kesampaian.

"Manifesto BN untuk Sabah dengan tema "Kami telah tunaikan, lebih banyak lagi akan dilaksanakan" Usah bimbang mahupun ragu, manifesto ini bukan 'manifesto bukan janji'," katanya dalam laman Facebook beliau hari ini.

Najib kini berada di Sabah untuk lawatan kerja dua hari di negeri itu bermula semalam.

Manifesto BN Sabah yang bertemakan "Kami Telah Tunaikan Lebih Banyak Lagi Akan Dilaksanakan", mengandungi 16 perkara utama, merangkumi hala tuju pembangunan dan kemajuan negeri itu.

Manifesto itu merupakan pelengkap kepada manifesto nasional yang dilancarkan oleh Perdana Menteri pada 6 April lepas.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=944695>